

UiTM unggul Karnival Sukan MASUM

Oleh [Syafiq Aznan](#) - Ogos 21, 2023 @ 5:16pm
syafiq.aznan@bh.com.my



Kontinjen yang membawa cabaran UiTM pada Karnival Sukan MASUM Fasa 1 di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang menutup tirainya, semalam. - Gambar UiTM

KUALA LUMPUR: Kontinjen Universiti Teknologi Mara (UiTM) mendominasi Karnival Sukan MASUM Fasa 1 di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang menutup tirainya, semalam.

Bersama 19 emas, 19 perak dan 16 gangsa, UiTM muncul sebagai juara keseluruhan MASUM Fasa 1 dengan mengatasi Universiti Putra Malaysia (UPM) yang menghimpun 14 emas, 10 perak dan 10 gangsa.

Tempat ketiga menjadi milik Universiti Malaya (UM) dengan 11 emas, tiga perak dan lima gangsa pada edisi kali ini yang menampilkan penyertaan daripada 20 Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA).

Antara yang beraksi cemerlang buat kontinjen UiTM adalah skuad memanah yang membawa pulang tujuh emas, lima perak dan lima gangsa untuk meninggalkan pencabar terdekat, UPM yang memenangi lima emas, enam perak dan tiga gangsa.

Pasukan Taekwondo UiTM juga memperagakan aksi memberangsangkan dengan menuai enam emas, empat perak dan lapan gangsa untuk mengetepikan UM yang memenangi enam emas, satu perak dan empat gangsa.

Skuad bola baling lelaki dan wanita UiTM juga menjuarai kedua-dua kategori.

Sementara itu, Pengarah Pusat Sukan UiTM, Ahmad Tarmizy Mohamed berkata pencapaian cemerlang diraih kontinjen UiTM pada Sukan MASUM Fasa 1 ini banyak dibantu menerusi sokongan berterusan daripada semua pihak terbabit.

"Terima kasih atas sokongan daripada pihak pengurusan tertinggi UiTM, latihan pusat yang berkala dan semangat juang yang tinggi oleh patlet UiTM serta pengurus dan jurulatih pasukan.

"Lebih manis adalah UiTM mempertahankan kejuaraan yang dimenangi pada tahun 2018, 2019, 2020 dan 2022 kerana sukan ini tidak dipertandingkan pada 2021 kerana COVID-19," katanya.

Sebagai rekod, sebanyak lapan acara dipertandingkan antaranya memanah, taekwondo, bola baling, boling padang, softball, menembak, bola tampar dan bola keranjang.